

## BAB 6

### DANA JAMINAN PENJELASAN

#### 6.1 PENUBUHAN DANA JAMINAN PENJELASAN

- 6.1.1 Pusat Penjelasan hendaklah menubuhkan dan menyenggara, menurut Kaedah-kaedah ini, suatu dana yang akan disebut sebagai Dana Jaminan Penjelasan. Dana Jaminan Penjelasan ini hendaklah hanya digunakan menurut Kaedah-kaedah ini dan hendaklah terdiri daripada Caruman, pengasingan daripada sumber Pusat Penjelasan dan sumber lain yang seumpamanya sebagaimana yang disifatkan sesuai oleh Pusat Penjelasan.
- 6.1.2 Pusat Penjelasan boleh, melalui perundingan dengan Suruhanjaya, menetapkan Prosedur Operasi yang berkaitan dengan Dana Jaminan Penjelasan.

#### 6.2 CARUMAN OLEH PESERTA PENJELASAN PERDAGANGAN

- 6.2.1 Setiap Peserta Penjelasan Perdagangan hendaklah membayar suatu jumlah kepada Pusat Penjelasan sebagai caruman kepada CGF yang akan terdiri daripada caruman tetap dan caruman berubah. Pusat Penjelasan hendaklah mengkreditkan Caruman oleh Peserta Penjelasan Perdagangan ke dalam Dana Jaminan Penjelasan .
- 6.2.2 Di mana terpakai, Peserta Penjelasan Perdagangan hendaklah dianggap mewakili dan mewarankan, yang memihak kepada Pusat Penjelasan bahawa Peserta Penjelasan Perdagangan mempunyai hak milik dan kuasa ke atas Carumannya, bebas daripada semua lien, caj, bebanan, ekuiti dan hak pihak ketiga yang lain yang apa-apa pun juga sifatnya.
- 6.2.3 Tertakluk pada Kaedah 6.13 dan Kaedah 6.14, jumlah caruman dari semasa ke semasa yang ditaksir oleh Pusat Penjelasan dan perlu dibuat oleh setiap Peserta Penjelasan Perdagangan kepada CGF hendaklah ditentukan dengan merujuk kepada kriteria yang ditentukan dalam Prosedur Operasi sebagaimana yang boleh dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

#### 6.3 CARUMAN TETAP

- 6.3.1 Caruman tetap yang hendak dibuat oleh setiap Peserta Penjelasan Perdagangan hendaklah dalam jumlah sedemikian yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa. Caruman tetap hendaklah dibuat oleh setiap Peserta Penjelasan Perdagangan bagi setiap penyertaan yang dipegang oleh Peserta Penjelasan Perdagangan sedemikian dalam suatu Bursa, dan hendaklah dibuat secara tunai.
- 6.3.2 Peserta Penjelasan Perdagangan yang mendapatkan penyertaan di mana-mana bursa saham lain yang diiktiraf oleh Pusat Penjelasan akan dikehendaki membayar kepada Pusat Penjelasan suatu caruman tetap tambahan menurut Kaedah 6.3.1 dalam masa tiga (3) Hari Pasaran dari tarikh notis kelulusan Bursa (yang berkaitan dengan penyertaan Peserta Penjelasan Perdagangan itu) diberikan.

#### **6.4 CARUMAN BERUBAH**

- 6.4.1 Caruman berubah yang hendak dibuat oleh setiap Peserta Penjelasan Perdagangan sebagai tambahan kepada caruman tetap yang hendak dibuat di bawah Kaedah 6.3 hendaklah dalam jumlah sedemikian sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa dan secara tunai sahaja.

#### **6.5 SEMAKAN SEMULA CARUMAN**

- 6.5.1 Caruman yang dikehendaki daripada setiap Peserta Penjelasan Perdagangan bagi CGF hendaklah disemak semula secara suku tahunan.
- 6.5.2 Pada permulaan setiap suku tahunan, setiap Peserta Penjelasan Perdagangan akan dinasihatkan tentang jumlah caruman yang dikehendaki daripada Peserta Penjelasan Perdagangan itu bagi CGF, bagi suku tahunan tersebut.

#### **6.6 PENGUMPULAN DAN PENGEMBALIAN CARUMAN BERIKUTAN SEMAKAN SEMULA**

- 6.6.1 Pusat Penjelasan akan memberitahu Peserta Penjelasan Perdagangan akan apa-apa jumlah tambahan yang dikehendaki daripada Peserta Penjelasan Perdagangan sebagai caruman kepada CGF hasil semakan semula yang dihuraikan dalam Kaedah 6.5 dan Peserta Penjelasan Perdagangan hendaklah membayar jumlah sedemikian kepada Pusat Penjelasan dengan serta-merta, dalam bentuk yang ditetapkan dalam Kaedah 6.4.
- 6.6.2 Begitu juga, berikut semakan semula menurut Kaedah 6.5, sekiranya caruman yang dikehendaki daripada Peserta Penjelasan Perdagangan bagi CGF adalah kurang daripada caruman sedia ada, Pusat Penjelasan boleh, berkaitan dengan apa-apa Caruman berlebihan bagi caruman tetap atau Caruman berubah, atas permohonan oleh Peserta Penjelasan Perdagangan, mengembalikan kepada Peserta Penjelasan Perdagangan jumlah lebihan itu.
- 6.6.3 [Dipotong]

#### **6.7 FAEDAH TERAKRU BAGI CARUMAN**

- 6.7.1 Faedah ke atas atau jumlah lain yang terakru bagi caruman tetap akan diperuntukkan oleh Pusat Penjelasan kepada Dana Jaminan Penjelasan. Faedah ke atas atau jumlah lain yang terakru bagi Caruman yang dibuat secara tunai dan berlebihan dari caruman tetap boleh dibayar kepada Peserta Penjelasan Perdagangan yang sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- 6.7.2 [Dipotong]

#### **6.8 PERUNTUKAN DARIPADA SUMBER PUSAT PENJELASAN**

- 6.8.1 Pusat Penjelasan boleh, dari semasa ke semasa memperuntukkan apa-apa sumbernya untuk Dana Jaminan Penjelasan dan berkaitan dengan jumlah yang diperuntukkan daripada sumbernya untuk Dana Jaminan Penjelasan yang berlebihan daripada yang dikehendaki untuk Dana Jaminan Penjelasan, Pusat Penjelasan boleh, dari semasa ke semasa, mengasingkan jumlah sedemikian keluar daripada Dana Jaminan Penjelasan, sama ada secara sementara atau kekal.

## 6.9 SUMBER TAMBAHAN BAGI DANA JAMINAN PENJELASAN

- 6.9.1 Pusat Penjelasan boleh, dari semasa ke semasa mengadakan pengaturan tambahan yang sedemikian, termasuk tetapi tanpa had, kemudahan bank dan polisi insurans, mengikut budi bicara Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa yang dianggap sesuai untuk tujuan memberikan sumber tambahan bagi Dana Jaminan Penjelasan. Pengaturan sedemikian boleh ditamatkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa menurut budi bicara Pusat Penjelasan.
- 6.9.2 Kos dan perbelanjaan untuk mengadakan pengaturan sedemikian hendaklah kena dibayar daripada faedah atau jumlah lain yang terakru kepada Dana Jaminan Penjelasan. Selanjutnya, Pusat Penjelasan boleh meminta Peserta Penjelasan Perdagangan untuk membayar balik jumlah ini, yang berkaitan dengan kos dan perbelanjaan sedemikian yang merupakan lebihan daripada jumlah yang kena bayar daripada faedah atau jumlah lain yang terakru kepada Dana Jaminan Penjelasan, secara sama rata ke atas aman Caruman masing-masing yang diperlukan di bawah Kaedah 6.3 atau dalam cara lain yang sedemikian yang dianggap adil dan sesuai oleh Pusat Penjelasan.

## 6.10 SEMAKAN SEMULA DANA JAMINAN PENJELASAN

- 6.10.1 Berkaitan dengan kehendak Dana Jaminan Penjelasan, Pusat Penjelasan hendaklah, berdasarkan suku tahunan, menyemak semula saiz Dana Jaminan Penjelasan berdasarkan keadaan pasaran yang sedia ada, termasuklah tahap pusing ganti.
- 6.10.2 Tanpa mengambil kira Kaedah 6.10.1, Pusat Penjelasan boleh menyemak semula Dana Jaminan Penjelasan pada bila-bila masa lain atau pada masa yang ditentukan menurut budi bicara mutlak dan sendiri Pusat Penjelasan.
- 6.10.3 Sekiranya, berikutan semakan semula tersebut di bawah Kaedah 6.10.1 atau Kaedah 6.10.2, mengikut mana-mana yang berkaitan, Pusat Penjelasan mengubah saiz Dana Jaminan Penjelasan, Kaedah 6.2 hingga 6.7 hendaklah terpakai. Pusat Penjelasan hendaklah mendapatkan kelulusan Suruhanjaya bagi perubahan sedemikian ke atas Dana Jaminan Penjelasan.

## 6.11 PELABURAN ASET DANA JAMINAN PENJELASAN

- 6.11.1 Pusat Penjelasan boleh melaburkan aset Dana Jaminan Penjelasan dalam cara sedemikian sebagaimana yang diluluskan dan menurut Kaedah-kaedah.
- 6.11.2 Faedah atau apa-apa jumlah lain yang terakru kepada aset Dana Jaminan Penjelasan hendaklah, melainkan diberikan selainnya dalam Kaedah-kaedah, diperuntukkan oleh Pusat Penjelasan bagi Dana Jaminan Penjelasan.

## 6.12 PEMAKAIAN DANA JAMINAN PENJELASAN

- 6.12.1 Tanpa menjelaskan peruntukan lain Kaedah-kaedah, Dana Jaminan Penjelasan hendaklah dipakai berkaitan dengan obligasi dan liabiliti Pusat Penjelasan akibat daripada Kontrak yang Dinovasi (termasuk, tetapi tidak terhad pada kos dan perbelanjaan yang ditanggung yang berkaitan dengan perolehan semula yang dibuat daripada Peserta Penjelasan Perdagangan dan yang berkaitan dengan langkah pengurusan risiko yang dikuatkuasakan oleh Pusat Penjelasan yang berkaitan dengan Kontrak yang Dinovasi).

6.12.2 Jika Pusat Penjelasan menggunakan apa-apa sumber daripada Dana Jaminan Penjelasan menurut Kaedah ini, Pusat Penjelasan hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya.

### **6.13 SUSUNAN PEMAKAIAN DANA JAMINAN PENJELASAN**

6.13.1 Tanpa menjelaskan hak Pusat Penjelasan untuk mengambil sumber lain yang tersedia bagi Dana Jaminan Penjelasan dan tertakluk pada terma apa-apa jaminan, kemudahan, polisi atau aset lain dari semasa ke semasa yang membentuk sebahagian daripada sumber Dana Jaminan Penjelasan, Dana Jaminan Penjelasan boleh dipakai mengikut susunan keutamaan yang berikut:-

- (a) pertama, Caruman yang dibuat oleh Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar (jika terpakai);
- (b) kedua, Caruman yang dibuat oleh semua Peserta Penjelasan Perdagangan yang lain (atau semua Peserta Penjelasan Perdagangan jika subperenggan (a) di atas tidak terpakai) dan jumlah yang diperuntukkan oleh Pusat Penjelasan daripada sumbernya ke dalam Dana Jaminan Penjelasan menurut Kaedah 6.8.1, berasaskan sama rata menurut perkadaruan caruman kepada Dana Jaminan Penjelasan oleh Peserta Penjelasan Perdagangan menurut Kaedah 6.2 dan Pusat Penjelasan menurut Kaedah 6.8; dan
- (c) akhir sekali, sumber tambahan seperti kemudahan bank dan polisi insurans yang dijamin menurut Kaedah 6.9.1.
- (e) [Dipotong]

6.13.2 Pusat Penjelasan hendaklah memberitahu Peserta Penjelasan Perdagangan yang berkenaan jika berlaku pemakaian di bawah perenggan (a) Kaedah 6.13.1 dan hendaklah memberitahu semua Peserta Penjelasan Perdagangan jika berlaku pemakaian di bawah perenggan (b) Kaedah 6.13.1.

### **6.14 PENAMBAHAN SEMULA CARUMAN**

- 6.14.1 Apabila Caruman Peserta Penjelasan Perdagangan dipakai menurut Kaedah 6.13, Pusat Penjelasan hendaklah, menurut notis yang diberikan di bawah Kaedah 6.13.2 menghendaki Peserta Penjelasan Perdagangan untuk menambah semula dengan serta-merta kekurangan Carumannya disebabkan pemakaian sedemikian. Liabiliti Peserta Penjelasan Perdagangan untuk menambah semula kekurangan Carumannya tidak akan terjejas oleh pengeluaran apa-apa notis awal penamatan penyertaan dalam perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Penjelasan, sama ada secara sukarela atau terpaksa.
- 6.14.2 Untuk mengelakkan keraguan, Pusat Penjelasan boleh menghendaki Peserta Penjelasan Perdagangan untuk menyediakan jumlah tambahan sebagai carumannya kepada CGF berkaitan dengan apa-apa pemakaian yang masih berjalan menurut Kaedah 6.13.

## **6.15 PILIH KELUAR DARIPADA CARUMAN MELEBIHI HAD**

- 6.15.1 Tanpa mengambil kira Kaedah 6.14, dan tertakluk pada Kaedah 2.12(c), Peserta Penjelasan Perdagangan boleh, dengan serta-merta apabila menerima notis di bawah Kaedah 6.14.1 daripada Pusat Penjelasan (dalam apa-apa keadaan dalam masa dua (2) Hari Pasaran) dari tarikh pemakaian Caruman menurut perenggan (b) Kaedah 6.13.1, memberikan notis bertulis kepada Pusat Penjelasan menurut Kaedah 2.12(b) akan pilihannya untuk menamatkan penyertaan dalam perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan.
- 6.15.2 Tanpa menjelaskan Kaedah 2.13 (dan untuk mengelakkan keraguan, tanpa menjelaskan hak Pusat Penjelasan untuk berhenti bertindak dengan serta-merta bagi Peserta Penjelasan Perdagangan) dan berkaitan dengan Peserta Penjelasan Perdagangan yang memberikan notis bertulis kepada Pusat Penjelasan menurut Kaedah 2.12(b) untuk menamatkan penyertaannya dalam perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan atau yang berkaitan dengan Peserta Penjelasan Perdagangan yang menerima notis secara bertulis daripada Pusat Penjelasan menurut Kaedah 2.12(a) atau Kaedah 2.13 bagi penamatkan penyertaannya dalam perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan, menurut mana-mana yang berkaitan, selepas Peserta Penjelasan Perdagangan sedemikian telah menerima notis daripada Pusat Penjelasan akan pemakaian Caruman menurut Kaedah 6.13.1(b), liabiliti agregat Peserta Penjelasan Perdagangan itu terhadap Pusat Penjelasan untuk menambahkan lagi carumannya kepada CGF, yang berkaitan dengan pemakaian sedemikian dan semua pemakaian lain bagi Caruman yang dibuat di bawah Kaedah 6.13.1(b) kemudian dari itu disebabkan peristiwa yang berlaku sebelum penamatkan penyertaannya dalam perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan, tidak seharusnya melebihi suatu jumlah yang setara dengan caruman yang diperlukan untuk CGF pada tarikh penerimaan notis sedemikian oleh Pusat Penjelasan daripada Peserta Penjelasan Perdagangan menurut Kaedah 2.12(b) atau pada tarikh penerimaan notis sedemikian oleh Peserta Penjelasan Perdagangan daripada Pusat Penjelasan menurut Kaedah 2.12(a) atau Kaedah 2.13.
- 6.15.3 Jika pada masa penerimaan notis daripada Pusat Penjelasan akan suatu pemakaian Caruman di bawah Kaedah 6.13.1(b), Peserta Penjelasan Perdagangan telah memberi notis untuk menamatkan penyertaannya dalam perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan menurut Kaedah 2.12(b) atau Peserta Penjelasan Perdagangan telah diberikan notis oleh Pusat Penjelasan tentang penamatkan penyertaannya dalam perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan menurut Kaedah 2.12(a), liabiliti agregat Peserta Penjelasan Perdagangan sedemikian terhadap Pusat Penjelasan untuk menambahkan lagi caruman kepada CGF yang berkaitan dengan pemakaian dan semua pemakaian bagi Caruman sedemikian di bawah Kaedah 6.13.1(b) disebabkan peristiwa yang berlaku sebelum penamatkan penyertaannya dalam perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan, tidak seharusnya melebihi suatu jumlah yang setara dengan carumannya yang diperlukan untuk CGF pada tarikh notis oleh Pusat Penjelasan akan pemakaian Caruman.

## **6.16 PEROLEHAN SEMULA JUMLAH WANG**

- 6.16.1 Jika apa-apa jumlah yang dibayar keluar daripada Dana Jaminan Penjelasan menurut Kaedah 6.12 seterusnya diperoleh semula oleh Pusat Penjelasan secara keseluruhannya atau sebahagiannya, Pusat Penjelasan hendaklah, dengan ketiadaan apa-apa obligasi Pusat Penjelasan untuk menangani jumlah yang diperoleh semula dalam apa-apa cara lain, mengkreditkan jumlah yang diterima tersebut kepada Dana Jaminan Penjelasan (dan sekiranya Caruman oleh Peserta Penjelasan Perdagangan digunakan, jumlah yang diterima tersebut hendaklah dikreditkan kepada Caruman mereka dalam cara yang sesuai, dengan mengambil kira Kaedah 6.13).

6.16.2 Untuk mengelakkan keraguan, Peserta Penjelasan Perdagangan yang ingkar hendaklah dipertanggungjawabkan untuk membayar balik Pusat Penjelasan sepenuhnya apa-apa amaun yang dibayar keluar daripada Dana Jaminan Penjelasan disebabkan keingkarannya.

## **6.17 MAKLUMAT TENTANG ASET DAN SUMBER DANA JAMINAN PENJELASAN**

- 6.17.1 Pusat Penjelasan hendaklah menyenggara rekod berasingan akan semua jumlah kedudukan kredit bagi dan semua jaminan, kemudahan atau polisi yang memastikan manfaat kepada Dana Jaminan Penjelasan dari semasa ke semasa.
- 6.17.2 Pusat Penjelasan hendaklah memberitahu Peserta Penjelasan Perdagangan, Bursa dan Suruhanjaya (secara tahunan) akan aset dan sumber yang tersedia kepada Dana Jaminan Penjelasan.

## **6.18 PULANGAN CARUMAN**

- 6.18.1 Untuk mengelakkan keraguan, sebaik sahaja Caruman yang dibuat oleh Peserta Penjelasan Perdagangan dikreditkan kepada Dana Jaminan Penjelasan, Caruman itu akan dikendalikan menurut Kaedah-kaedah dan tidak akan dipulangkan kepada Peserta Penjelasan Perdagangan melainkan menurut Kaedah-kaedah.
- 6.18.2 Tiga (3) bulan selepas penamatan Peserta Penjelasan Perdagangan dalam penyertaan dalam perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan, dengan syarat bahawa semua liabiliti Peserta Penjelasan Perdagangan sedemikian terhadap Pusat Penjelasan pada masa penamatan, yang sebenar dan kontinjen, telah dipenuhi dan diperuntukkan sepenuhnya, Pusat Penjelasan boleh, atas budi bicara mutlaknya memulangkan kepada Peserta Penjelasan Perdagangan baki Carumannya (dengan mengambil kira apa-apa yang belum diselesaikan dan pemakaian sebelumnya akan CGF pada masa penamatan sedemikian).

## **6.19 PEMBUBARAN DANA JAMINAN PENJELASAN**

- 6.19.1 Jika pada bila-bila masa didapati, pada pendapat Pusat Penjelasan, dalam kepentingan Peserta Penjelasan Perdagangan atau dalam kepentingan dalam pengendalian perkhidmatan Pusat Penjelasan, Pusat Penjelasan boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, membubarkan Dana Jaminan Penjelasan. Melainkan diberikan selainnya dalam Kaedah-kaedah, Pusat Penjelasan adalah berhak menggunakan prosedur sedemikian yang berkaitan dengan pembubaruan Dana Jaminan Penjelasan, sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

## **6.20 PEMAKAIAN APABILA BERLAKU PEMBUBARAN DANA JAMINAN PENJELASAN**

- 6.20.1 Apabila berlaku pembubaruan Dana Jaminan Penjelasan, Pusat Penjelasan boleh memakai Dana Jaminan Penjelasan yang berkaitan dengan satu atau lebih perkara yang berikut:-
- (a) untuk pembayaran semua jumlah yang perlu dibayar keluar daripada Dana Jaminan Penjelasan;
- (b) untuk pembayaran kos dan perbelanjaan bagi dan bayaran sampingan bagi pentadbiran dan pengurusan pembubaruan Dana Jaminan Penjelasan;

- (c) atas budi bicara Pusat Penjelasan, baki Caruman boleh dipulangkan kepada Peserta Penjelasan Perdagangan secara prorata berdasarkan Caruman yang diperlukan; dan
- (d) dengan kelulusan Suruhanjaya, untuk digunakan dalam cara sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada pemindahan kepada dana baharu yang mempunyai objektif yang serupa dengan Dana Jaminan Penjelasan, semua jumlah dalam kredit dan semua jaminan, kemudahan atau polisi yang memastikan manfaat kepada Dana Jaminan Penjelasan.